

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL



Dr Noor Hisham Abdullah

Lanjut PKPB di Selangor, KL, Putrajaya jika ada peningkatan

Putrajaya: Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya mungkin akan disambung jika kes COVID-19 di negeri itu semakin meningkat.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pihaknya memantau situasi jangkitan setiap hari, bagi melihat sama ada PKPB perlu disambung atau sebaliknya.

"Jika kita lihat data dan kes, ia meningkat secara konsisten setiap hari. Jika ada peningkatan, kita akan cadangkan (PKPB) dan jika tiba-tiba tiada peningkatan dalam tempoh seminggu ini, mungkin tidak perlu.

"Sama ada perlu atau tidak (PKPB), data itu kita akan sebar dan masing-masing akan tahu sama ada perlu atau tidak, tetapi yang nyata hari ini (semalam), data semakin meningkat," katanya semalam.

Sementara itu, mengulas mengenai sama ada jumlah kes baharu COVID-19 akan kekal empat angka dalam tempoh beberapa hari berikutan, Dr Noor Hisham berkata, berdasarkan nilai R0 atau kebolehjangkitan semasa yang berada pada kadar 1.5, pihaknya sudah membuat unjuran bahawa jumlah kes akan melebihi 1,000 pada 31 Oktober.

Penularan COVID-19

Kes jangkitan baharu catat empat angka

Sabah kekal penyumbang tertinggi, tujuh lagi kematian

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Malaysia pertama kali mencatatkan peningkatan kes harian empat angka, iaitu 1,223 kes baharu COVID-19, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pertambahan kes berkenaan menjadikan jumlah kumulatif kes di negara ini sebanyak 25,742 kes.

Katanya, Sabah kekal menyumbang peningkatan kes tertinggi, iaitu 889 kes atau 72.4 peratus dan jumlah itu tertinggi pernah direkodkan di negeri berkenaan.

"Meskipun jumlah yang direkodkan adalah tinggi di Sabah, namun buat masa ini kapasiti katil di hospital dan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) itu masih mampu menampung jumlah kes positif," katanya, di sini, semalam.

Selain Sabah, Dr Noor Hisham berkata, negeri di Lembah Klang turut menyumbang kepada pertambahan kes, iaitu 95 kes atau 7.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Daripada 95 kes baharu hari ini (semalam), 29 kes atau 30.5 peratus daripada kluster sedia ada dan kluster baharu."

"Sebanyak 502 kes lagi atau 41 peratus daripada jumlah keselu-

ruhan yang dilaporkan hari ini (semalam) membabitkan tahanan di dalam penjara. Antaranya, Kluster Penjara Kepyayan, Kluster Penjara Seberang Perai, Penjara Reman dan Kluster Tembok. Kes ini sememangnya terasing di dalam penjara.

"Dua kes lagi ialah pengunjung yang pulang dari kawasan berisiko, iaitu Sabah dan 11 kes import yang dilaporkan hari ini (semalam), tiga kes masing-masing mendapat jangkitan dari Singapura dan Indonesia, manakala dua kes masing-masing dari China dan Korea serta satu kes dari Tunisia," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, ada tujuh lagi kematian semalam disebabkan COVID-19 membabitkan beberapa daerah di Sabah dan Pulau Pinang.

Katanya, kes kematian itu membabitkan pesakit berusia antara 47 hingga 88 tahun.

Beliau berkata, pertambahan kes berkenaan menjadikan jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 sebanyak 221 kes bersamaan 0.9 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Dua kes kematian dilaporkan di Hospital Duchess of Kent di Sandakan, manakala masing-masing satu kematian dilaporkan di Hospital Queen of Elizabeth, Hospital Tuaran, Hospital Tawau, Hospital Lahad Datu dan Hospital Pulau Pinang," katanya.

Mengenai kluster baharu, Dr Noor Hisham berkata, ada enam lagi kluster baharu COVID-19 di Sabah, Negeri Sembilan, Selangor, Johor dan Sarawak.

Katanya, kes indeks yang dikesan dalam kluster baharu itu hasil saringan di tempat kerja, individu bergejala dan pulang dari kawasan berisiko, iaitu Sabah.

Kes boleh cecah 1,300 sehari jika ingkar SOP

Tujuan berdebatan berhubung dengan semua yang kini pada kadar 1.5

Keratan akhbar BH 19 Oktober lalu.

"Kluster pertama yang dikesan dinamakan sebagai Kluster Mesra yang dikesan di daerah Sandakan, Sabah. Sehingga kini, kluster berkenaan sudah menjangkiti 22 individu.

"Kluster kedua ialah Kluster Megah yang turut dikesan di Sandakan dan kini sudah menjangkiti 15 individu," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, kluster ketiga dikenali sebagai Kluster Kaya yang dikesan di daerah Seremban, dan kini sudah menjangkiti 55 kes positif.

"Kluster keempat pula ialah Kluster Bah Kayu, membabitkan daerah Gombak di Selangor serta Titiwangsa di Kuala Lumpur. Kluster berkenaan sudah menjangkiti 17 individu.

"Kluster kelima ialah Kluster Baki yang dikesan di Kuching, Sarawak. Sehingga kini, kluster ini sudah menjangkiti lima individu," katanya.

Beliau berkata, kluster keenam ialah Kluster Kempas membabitkan daerah Johor Bahru dan Kulai di Johor dan sudah menjangkiti lapan individu.

Dalam perkembangan berkaitan, Dr Noor Hisham berkata, Kementerian Kesihatan mengesan penularan tempatan di Selangor sehingga mencetuskan beberapa kluster baharu di tempat kerja.

Katanya, sehingga kini ada enam kluster baharu yang dikesan di Selangor berkaitan tempat kerja.

Berikutan itu, beliau berkata, selain pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Lembah Klang, kerajaan turut memutuskan supaya pekerja peringkat pengurusan, pengawasan sektor awam dan industri di kawasan PKPB dibenarkan untuk bekerja dari rumah.

1,223 petugas kesihatan kontrak ke Sabah Rabu ini

Putrajaya: Seramai 1,223 petugas kesihatan secara kontrak sudah diluluskan dan mula bertugas di beberapa daerah di Sabah dan Labuan bermula Rabu ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) memaklumkan perkara itu, semalam.

Daripada jumlah itu, beliau berkata, seramai 624 Jururawat Gred U29, 336 Penolong Pegawai Perubatan Gred U29, 213 Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29 dan 50 Juruteknologi Makmal Perubatan Gred U29.

"Bagi Jururawat Gred U29 yang

diluluskan, 317 Jururawat Gred U29 akan ditempatkan di Sabah, manakala 18 lagi ditempatkan di Wilayah Persekutuan Labuan.

"Kebanyakannya terdiri daripada anak kelahiran tempatan. Kementerian Kesihatan (KKM) berharap pertambahan petugas kesihatan ini dapat memperkukuh lagi penyampaian perkhidmatan di negeri yang berkenaan, khususnya di Sabah dan Labuan," katanya di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, Kementerian Kesihatan akan mengeluarkan surat tawaran pelantikan kontrak Isnin ini.

"Tarikh melapor diri bertugas

KKM berharap pertambahan petugas kesihatan ini dapat memperkukuh lagi penyampaian perkhidmatan di negeri yang berkenaan, khususnya di Sabah dan Labuan.

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan

ditetapkan pada Rabu, iaitu 28 Oktober," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, Kementerian Kesihatan mempertimbang kaedah kuarantin di rumah bagi pesakit yang positif, tetapi tidak bergejala terutama di Sabah jika kemudahan kesihatan di negeri itu tidak mampu menampung jumlah pesakit yang semakin bertambah.

Beliau berkata, setakat ini jumlah katil di sembilan hospital dan 31 Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Risiko Rendah di Sabah masih mencukupi.

Katanya, kuarantin di rumah jika mahu dilaksanakan perlu melihat

kepada kesesuaian rumah pesakit, termasuk faktor ruang.

"Jika ada ruang dan kesesuaian, baru boleh kita benarkan. Jika rasa tiada ruang dan kurang sesuai, mungkin tidak dijalankan," katanya.

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham berkata, setakat ini, Sabah tidak berdepan masalah peralatan perubatan, manakala dari segi penggunaan katil, 70 peratus daripada 1,123 katil kini digunakan pesakit COVID-19 di hospital dan 30 peratus daripada 4,730 katil digunakan di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Risiko Rendah.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Ambil iktibar PRN Sabah

Dr Noor Hisham minta rakyat bersatu landai lengkung jangkitan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, meminta rakyat Malaysia bersatu memerangi wabak COVID-19, bukan bertelagah antara satu sama lain.

Menerusi hantaran di laman Facebook beliau, semalam, Dr

Noor Hisham turut menasihatkan orang ramai agar mengambil iktibar daripada Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah.

"Petugas barisan hadapan kini berada di lapangan 24 jam seminggu sejak 10 bulan lalu, (sudah tentu) mereka keletihan mental dan fizikal.

"Sebahagian daripada mereka (petugas barisan hadapan) sudah

mula berputus asa. Tolong ambil iktibar daripada PRN Sabah dan berharap ia tidak akan berulang kembali," katanya.

Sementara itu, menerusi hantaran beliau di Facebook, Dr Noor Hisham turut meminta rakyat Malaysia berusaha sekali lagi melandai lengkung penularan wabak di negara ini.

"Ia adalah cabaran untuk melindungi dan mencapai keseimbangan antara kesihatan dan ekonomi dalam memerangi COVID-19. Hilang keseimbangan bermakna kehilangan nyawa dan

mata pencarian.

"Bersama-sama kita mengubah sesuatu yang mustahil kepada kejayaan melandai lengkung sekali lagi," katanya.

Semalam, Malaysia kali pertama mencatatkan peningkatan kes harian empat angka dengan 1,228 kes baharu, iaitu tertinggi pernah dilaporkan sejak penularan COVID-19 di negara ini, menjadikan jumlah kumulatif kes sebanyak 25,742 kes.

Sabah menyumbang peningkatan kes tertinggi semalam, iaitu 889 kes dicatatkan.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

KKM hubungi lapan pembangun vaksin

JKJAV jangka bekalan diperoleh suku pertama 2021

Oleh Sophia Ahmad
sophia@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) sudah berhubung dengan lapan pembangun vaksin yang kini berada pada peringkat ujian klinikal fasa tiga.

Menurut kenyataan media Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Vaksin COVID-19 (JKJAV), bekalan vaksin itu dijangka mula diperoleh pada suku pertama 2021, dengan keutamaan kepada petugas barisan hadapan, meliputi sektor kesihatan dan keselamatan seperti doktor, jururawat, polis, petugas penjara dan imigresen.

"Kerajaan juga sedang memuktamadkan rundingan dengan pi-

hak COVAX, sebuah inisiatif antarabangsa dipimpin Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang mempunyai sembilan pembangun vaksin di bawah Global Alliance for Vaccine and Immunisation (GAVI).

"Kerajaan juga akan menyediakan peruntukan kewangan bagi tujuan pembelian vaksin melalui Tabung COVID-19 Kementerian Kewangan," kata kenyataan itu, semalam.

Jawatankuasa itu mengadakan mesyuarat kelmarin, khusus bagi memastikan bekalan vaksin virus itu dapat diperoleh pada kadar segera.

Mesyuarat berkenaan dipengerusikan secara bersama Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba serta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin.

Menurut kenyataan itu, penuhuan jawatankuasa terbabit diyakini dapat membantu merencanakan kembali ekonomi negara.

"Objektif penubuhan JKJAV adalah untuk memastikan beka-

lan vaksin COVID-19 diperoleh segera dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta KKM bertindak sebagai Jawatankuasa Induk dalam merancang, melaksana dan memantau keseluruhan strategi untuk pembekalan vaksin COVID-19 sehingga pelaksanaan program imunisasi dijalankan.

"Mesyuarat berkenaan turut membabitkan penubuhan beberapa jawatankuasa kecil, mencakupi beberapa kementerian serta agensi berkaitan.

"Semua agensi dan kementerian terbabit mempunyai mandat tertentu, antaranya melaksanakan tugas berkaitan pemilihan, pendaftaran, kelulusan, pengimportan, penstoran, logistik, pengangkutan, pengagihan serta pemberian vaksin.

"Empat jawatankuasa kecil itu adalah Polisi Vaksinasi Kebangsaan dan Pemilihan Pembangun Vaksin Yang Sesuai, Pendaftaran, Logistik dan Pembangunan Vaksin, Kewangan dan Perolehan serta Komunikasi," kata kenyataan itu.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

Penularan Covid-19 catat empat digit buat kali pertama sejak Februari Negara rekod 1,228 kes harian

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Buat pertama kali kes harian negara melonjak kepada empat digit dengan 1,228 kes sekali gus tertinggi direkodkan sepanjang pandemik Covid-19 melanda negara ini.

Angka kes harian tersebut turut disumbangkan daripada 34 kluster termasuk enam kluster baharu iaitu Kluster Mesra, Kluster Megah, Kluster Kaya, Kluster Bah Kayu, Kluster Baki dan Kluster Kempas.

Selain itu, terdapat tujuh kes kematian baharu dilaporkan membabitkan kesemuanya lelaki berusia antara 47 hingga 88 tahun dengan pelbagai latar belakang penyakit.

Mereka dilaporkan meninggal dunia iaitu di Hospital Tuaran, Hospital Queen Elizabeth, Hospital Tawau, Hospital Lahad Datu dan Hospital Duchess of Kent di Sabah serta Hospital Pulau Pinang di Pulau Pinang.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah kes harian semalam, Sabah terus mencatatkan angka mengatasi negeri lain iaitu 889 kes atau 72.4 peratus menjadikannya jumlah tertinggi dilaporkan di negeri tersebut setakat ini.

"Meskipun jumlah ini tinggi,



PETUGAS Agensi Pertahanan Awam Malaysia (APM) membersihkan diri selepas melakukan tinjauan di Asrama Tropicana Golf & Country Resort, Petaling Jaya semalam. – AMIR KHALID

buat masa ini masih terdapat kapasiti katil di hospital dan Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) untuk menampung jumlah kes positif.

"Ini juga adalah hasil usaha gigih dalam menjalankan pengesanan kes secara aktif di Sabah," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, di Lembah Klang, sebanyak 95 kes atau 7.7 peratus dilaporkan semalam dan daripada jumlah itu, 29 kes atau 30.5 peratus adalah daripada

kluster sedia ada dan baharu.

"Sejumlah 502 kes atau 41 peratus adalah tahanan daripada Kluster Penjara Kepayan, Kluster Penjara Seberang Perai, Penjara Reman serta Kluster Tembok dan kes ini sememangnya terasing di dalam penjara.

"Dua kes merupakan pengunjung yang pulang dari Sabah, menjadikan jumlah kes dilaporkan mempunyai sejarah perjalanan ke negeri itu sejak 20 September adalah sebanyak 468 kes," katanya.

Mengulas mengenai kluster baharu, Noor Hisham berkata, Kluster Mesra melibatkan daerah Sandakan, Sabah membabitkan kes indeks dikenal pasti hasil saringan individu bergejala pada 7 Oktober dan seramai 21 lagi dikesan positif.

"Kluster Megah pula turut membabitkan daerah Sandakan iaitu kes indeks dikenal pasti positif hasil saringan bergejala pada 5 Oktober. Justeru, 14 lagi kes dikesan positif selepas saringan ke atas 64 individu," katanya.

Beliau berkata, Kluster Kaya melibatkan daerah Seremban, Negeri Sembilan dan Putrajaya dengan kes dikenal pasti hasil saringan tempat kerja pada 24 Oktober.

"Berikutan itu, sebanyak 55 kes dikesan positif dalam kluster ini selepas saringan dijalankan terhadap 63 individu.

"Mengenai Kluster Bah Kayu pula melibatkan daerah Gombak, Selangor dan Titiwangsa, Kuala Lumpur iaitu kes indeks dikenal pasti positif Covid-19 hasil pulang dari Sabah pada 13 Oktober.

"Seramai 17 lagi individu dikesan positif dalam kluster ini hasil saringan terhadap 628 individu," katanya.

Beliau berkata, Kluster Baki melibatkan daerah Kuching, Sarawak selepas kes indeks dikesan

Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	1,228
• Import: 11	Tempatan: 1217
• Pullih	671
• Kematian	7
• Masih dirawat	8,966
• Jumlah kes sembuh	16,555
• Jumlah Kematian	221
Jumlah kes keseluruhan	25,742

san hasil saringan individu bergejala pada 17 Oktober dan empat lagi kes dikesan positif.

Berhubung Kluster Kempas, Noor Hisham berkata, ia melibatkan daerah Johor Bahru dan Kulai selepas kes indeks dikenal pasti hasil saringan bergejala pada 22 Oktober dan telah dimasukkan ke Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang.

"Tujuh lagi kes dikesan positif selepas saringan kontak rapat membabitkan 206 individu," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, sebanyak 11 kes import yang dilaporkan semalam melibatkan tiga warga Malaysia dan lapan warga asing.

177 sekolah di Seremban ditutup bermula hari ini

PUTRAJAYA – Sebanyak 177 buah institusi pendidikan di daerah Seremban, Negeri Sembilan ditutup mulai hari ini hingga 9 November depan selepas daerah itu kini dikategorikan sebagai zon merah.

Kementerian Pendidikan (KPM) dalam satu kenyataan berkata, bilangan sekolah terbahit merangkumi sekolah rendah dan menengah di bawah KPM selain institusi pendidikan guru serta sekolah swasta yang berdaftar dengan KPM.

"Senarai institusi pendidikan yang ditutup di daerah Seremban akan dimuat naik di portal serta platform media sosial rasmi KPM untuk rujukan ibu bapa, penjaga serta warga sekolah dan institusi terbabit," katanya di sini semalam.

Katanya, sekolah dan institusi yang mempunyai asrama juga ditutup dan ibu bapa serta pen-

gaja perlu mengambil murid yang tinggal di asrama tersebut untuk pulang.

"Bagaimanapun, murid yang menunggu untuk diambil ibu bapa atau murid yang ingin terus kekal berada di asrama sekolah dan institusi berkaitan sepanjang tempoh penutupan sekolah akan berada di bawah penjagaan warden asrama.


"Keperluan makan dan minum murid sepanjang tempoh itu akan disediakan oleh pihak sekolah dan institusi berkenaan," katanya.

Tambahnya, manual pengajaran dan pembelajaran di rumah boleh dimuat turun di portal rasmi www.moe.gov.my.

Di Seremban, seramai 35 pelajar serta tiga kakitangan Sekolah Tinggi Islam As Sofa (STIAS) Senawang disahkan positif Covid-19 menjadikan keseluruhan warga sekolah dijangkiti sebanyak 99 kes.

Penularan kes Covid-19 gelombang ketiga

Sumber: CPRC, KKM
 Kes sembuh



AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 16
 RUANGAN : NEGARA

Empat kes dilaporkan di Sabah melibatkan bayi dan kanak-kanak

Polio kembali dikesan di Malaysia

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

PUTRAJAYA – Selepas 27 tahun Malaysia bebas daripada virus polio, kes membabitkan penyakit tersebut dilaporkan semula di Sabah pada penghujung tahun 2019.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) melaporkan empat kes polio dikesan di Sabah melibatkan bayi dan kanak-kanak berusia tiga bulan, tiga tahun, lapan tahun serta 11 tahun bagi tempoh 1 Januari 2019 hingga 16 Oktober lalu.

Menurutnya, kesemua kes itu dikesan daripada 317 kes *Acute Flaccid Paralysis* iaitu gejala akut yang menyerupai polio di seluruh negara.

"Malaysia diisytiharkan bebas daripada polio pada tahun 2000 dengan kes terakhir dilaporkan pada tahun 1992.

"Malangnya, selepas 27 tahun, kes polio dilaporkan semula di Sabah pada penghujung tahun 2019," katanya dalam satu kenyataan sempena Hari Polio Sedunia

yang disambut semalam.

Noor Hisham berkata, pihaknya turut menjalankan persampelan air kumbahan bagi mengesan kehadiran virus polio dalam persekitaran bermula 1 Januari 2019 hingga 30 September lalu.

Katanya, sepanjang tempoh itu, sebanyak 558 sampel air kumbahan telah diambil di seluruh negara yang mana 24 sampel air dikesan mengandungi virus polio di Sabah termasuk satu sampel di Labuan.

Menurutnya, sampel persekitaran positif yang terakhir dikesan virus polio adalah pada 13 Mac lalu.

"Selain menjalankan langkah-langkah pengesanan kes, KKM melalui Jabatan Kesihatan negeri menjalankan Kempen Imunisasi Polio bagi menghentikan penularan virus polio dan mencegah kejadian kes penyakit itu.

"Kempen Imunisasi Polio di Sabah telah dilaksanakan secara berperingkat sejak 27 Disember tahun lalu membabitkan pemberian vaksin oral polio kepada semua kanak-kanak berumur

bawah 13 tahun di seluruh negeri tersebut," katanya.

Bagaimanapun, katanya, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dimulakan sejak 18 Mac lalu telah memperlambatkan aktiviti kempen, namun ia telah dipergiatkan semula ketika PKP Pemulihan.

Noor Hisham berkata, susulan peningkatan kes Covid-19 di Sabah ketika ini, aktiviti kempen ditangguhkan sekali lagi.

"Walaupun negara sedang memerangi pandemik Covid-19, ancaman polio juga perlu diambil perhatian yang sewajarnya oleh rakyat Malaysia," jelasnya.

Polio atau poliomyelitis adalah akibat jangkitan virus polio yang merosakkan sistem saraf pusat.

Virus polio lazimnya menjangkiti kanak-kanak bawah 5 tahun yang belum mendapat pelalian.

Antara tanda dan gejala dijangkiti polio ialah selesema, demam, letih, lesu, sakit kepala, loya dan muntah.

Kurang satu peratus kes yang dijangkiti virus polio pula menyebabkan penyakit lumpuh yang menjejaskan sistem saraf.



KEMPEN Imunisasi Polio di Sabah melibatkan pemberian vaksin kepada kanak-kanak berumur bawah 13 tahun baru-baru ini.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 1

RUANGAN :

Malaysia catat 1,228 kes baharu Covid-19 semalam

SEBANYAK 1,228 kes baharu Covid-19 direkodkan di negara kita semalam, jumlah tertinggi dan kali pertama melepasi empat angka.

Daripada jumlah itu, Sabah muncul sebagai negeri kes baharu paling banyak dengan 889 kes, iaitu 72.4 peratus daripada kes harian yang dilaporkan.

Ini menjadikan jumlah kes positif Covid-19 di Malaysia adalah sebanyak 25,742 kes dengan kes aktif kebolehsangkitan sebanyak 8,966 kes.

Seramai tujuh lagi pesakit meninggal dunia semalam yang membawa angka keseluruhan korban kepada 221 kes.

8



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Kes harian cecah empat angka

Enam lagi kluster baharu Covid-19 dikesan di seluruh negara

PUTRAJAYA

Malaysia mencatatkan lonjakan kes baharu Covid-19 tertinggi dalam tempoh 24 jam, melepasi angka tiga digit buat pertama kali sebanyak 1,228 kes baharu direkodkan semalam.

Daripada jumlah itu, menurut Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, Sabah kekal merekodkan jumlah tertinggi dengan 889 kes atau 72.4 peratus daripada jumlah kes seluruh negara, jumlah tertinggi dicatat negeri berkena-

an setakat ini.

"Ini menjadikan jumlah kes positif Covid-19 di Malaysia sebanyak 25,742 kes. Oleh itu, jumlah kes aktif dengan kebolehhangkitan Covid-19 adalah 8,966 kes. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan," katanya pada sidang akhbar perkembangan Covid-19 di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), semalam.

Sementara itu, enam lagi kluster baharu Covid-19 dilaporkan di beberapa negeri semalam. Dua daripada kluster baharu itu dikesan di Sabah iaitu Kluster Megah dan Kluster Mesra.

Bagi Kluster Megah di Sandakan, melibatkan kes indeks (kes ke-13,706) yang dikesan



DR NOOR HISHAM

pada 5 Oktober dan telah dimasukkan ke Hospital Duchess of Kent.

"Saringan kontak rapat kluster ini, telah mengenal pasti 14 lagi kes positif dan sehingga hari ini (semalam), 64 individu disaring dengan 15 kes positif, 12 negatif dan 37 individu masih menunggu keputusan.

Bagi Kluster Mesra juga di Sandakan, melibatkan kes indeks (kes ke-13,755) yang dikenal pasti positif Covid-19 pada 7 Oktober dan dimasukkan ke Hospital Duchess of Kent. Saringan kontak rapat telah mengenal pasti 21 lagi kes positif dan dua individu masih menunggu keputusan," katanya.

Selain itu, Dr Noor Hisham

berkata, bagi Kluster Kaya yang melibatkan Daerah Seremban, Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya kes-kes dikesan hasil saringan di tempat kerja semalam.

Beliau berkata, individu-individu berkenaan telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh, Selangor dan Hospital Tuanku Jaafar, Seremban.

"Sehingga hari ini (semalam), 63 individu disaring dengan 55 kes positif, enam negatif dan dua individu masih menunggu keputusan," katanya.

KKM turut mengesan Kluster Bah Kayu di Gombak, Selangor dan Titiwangsa, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 13 Oktober hasil saringan individu (kes ke-17,371) yang pulang dari Sabah.

Katanya, pesakit dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh dan

saringan kontak rapat telah mengenal pasti 16 lagi kes positif Covid-19 dan setakat ini seramai 628 individu telah disaring dengan 17 kes dikesan positif, 591 negatif dan 20 individu masih menunggu keputusan.


Di Johor pula, Ketua Pengarah Kesihatan itu berkata, KKM mengesan Kluster Kempas melibatkan Daerah Johor Bahru dan Kulai.

Beliau berkata, kes indeks (kes ke-24,447) dikenal pasti positif hasil saringan individu bergejala pada 22 Oktober dan telah dimasukkan ke Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang.

Katanya, saringan kontak rapat telah mengenal pasti tujuh lagi kes positif dan sehingga kini, sejumlah 206 individu telah disaring dengan lapan kes positif. -Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia




*Dikemas kini pada jam 8 malam 24 Oktober 2020

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 24,514 kes kepada 25,742 kes



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI					
JUMLAH KESELURUHAN:	25,742	PULIH:	16,555	ICU:	92
		KEMATIAN:	221	KES BAHARU	+1,228



INFOGRAFIK SINAR HARIAN/EPIC

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NATION/NEWS



Medical staff running Covid-19 tests on members of the public at the Sunway Medical Centre in Petaling Jaya yesterday. PIC BY HAIRUL ANUAR RAHIM

Govt contacts 8 developers over Covid-19 vaccine procurement

KUALA LUMPUR: The Health Ministry has contacted eight candidate Covid-19 vaccine developers whose inoculations are now in the third phase of clinical trials.

In a joint statement with the Science, Technology and Innovation Ministry, it said the vaccine supplies were scheduled to be obtained in the first quarter of next year.

"The priority is to inoculate the frontliners first in the health and then the security sectors. This includes doctors, nurses as well as police, prison and immigration personnel," the ministries said in a joint statement yesterday.

The ministries also said that the government was also finalising talks with the Covid-19 Vaccine Global Access plan under the Global Alliance for Vaccine and Immunisation, which was managing the initiative.

"We are preparing the financial allocations for the purpose of buying the vaccine under the Finance Ministry's Covid-19 fund."

"We are committed to obtaining a decision immediately to get the vaccine for the country."

The statement also announced that the Vaccine Supplies Access Guarantee Special Committee that is jointly helmed by ministers Khairy Jamaluddin and Datuk Seri Dr Adham Baba met for the first time yesterday.

The meeting involved four sub-committees which see the involvement of various ministries and agencies.

The committees are related to the national vaccination policy, suitable vaccine selection, logistics registration, vaccine development, financial and procurement as well as communication involving vaccine procurement.

COVID-19

RECORD-BREAKING 1,228 NEW CASES REPORTED

Highest since the start of the pandemic

TEOH PEI YING
AND NOR AIN MOHAMED RADHI
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

MALAYSIA recorded 1,228 new Covid-19 cases in the past 24 hours, the highest since the pandemic began.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said they included 11 imported cases in Kuala Lumpur, while others were local transmissions.

Sabah continues to register the highest number of cases with 889, followed by Negri Sembilan (96), Selangor (76), Kedah (76), Penang (23), Labuan (21), Perak (10), Sarawak and Kuala Lumpur (eight), Johor (seven), and Melaka (three).

He said 671 patients were discharged up to noon yesterday. The total number of cases stood at 8,966.

Ninety-two cases are being treated at the intensive care unit with 31 requiring ventilation support.

Seven deaths were recorded, with six in Sabah and one in Perak. The total number of fatalities stands at 221.

He announced six new Covid-19 clusters.

They are the Mesra and Megah clusters in Sandakan, Sabah; Baki cluster in Kuching, Sarawak; and Kaya, Bah Kayu and Kempas in the peninsula.

With the six new clusters, there are 107 clusters now.

In Selangor, there are 35 clusters, with six linked to cases detected at workplaces.

He said the state had recorded 1,279 cases in the past two weeks, with districts categorised as red zones increasing from two to six.

"Districts that recorded significant increases were Hulu Langat with 168 cases, Klang (115) and Gombak (93)," he said in the daily Covid-19 press conference yesterday.

He said since Oct 11, Selangor had registered new cases linked

to infections at workplaces.

"We have six clusters in the state that are linked to workplaces."

"So apart from continuing Covid-19 screenings at international entrances and on returnees from Sabah, the government has put Selangor, Kuala Lumpur and Putrajaya under the Conditional Movement Control Order (CMCO) since Oct 14.

"Also, the government has ordered civil servants at management and administration levels as well as management-level workers in industries to work from home starting on Oct 22 in CMCO areas."

"This is to reduce movement and lower the infection rate, but this depends on the compliance and cooperation of everyone."

He urged employers and employees to comply with the work-from-home directive to reduce the risk of infection at workplaces.

In a statement on Twitter, he said: "We have to stay united and work together in our fight against Covid-19, and not fight with each other."

"Our frontliners have been at the battlefield 24/7 in the past 10 months, and they are suffering from mental and physical exhaustion."

"Some of them have given up hope."

"Please learn from the Sabah election and let's hope we don't repeat the situation."

On his Facebook post, he reminded Malaysians to help flatten the Covid-19 curve one more time.

AKHBAR : THE STAR
 MUKA SURAT : 5
 RUANGAN : NATION

Reports by AUSTIN CAMOENS and ASHLEY TANG

Ministry mulls home treatment for asymptomatic patients

PETALING JAYA: The Health Ministry is mulling allowing asymptomatic positive Covid-19 patients to be treated at home if its quarantine and low risk treatment centres are filled.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said they were considering the move but only for those who do not show any symptoms.

"Last time we admitted them to hospital it was not to treat them but to isolate them so that they did not infect others. If we want them to stay home, we have to make sure that there is ample space for them," he said during his press conference yesterday.

Dr Noor Hisham noted that the move was allowed in other countries.

"But right now we do not need it yet. If we do not have enough beds at the quarantine centres and the low-risk treatment centres, then we can adopt this concept," he said.

On Thursday, Sabah Local Government and Housing Minister Datuk Masidi Manjun said that those who did not exhibit symptoms from the virus were allowed to undergo home treatment and home quarantine.

He noted that about 27% of the total Covid-19 patients in Sabah were asymptomatic.

However, Dr Noor Hisham clarified that those who were being treated at home right now were those who have taken the Covid-19 test but had not received their results yet.

"Initially there was a backlog in terms of getting the (Covid-19) results. For example, those being treated at home would have taken the test three to four days before the results came out. During that time they would be treated at home.

"We've advised those in this position not to expose themselves and to stay home. After they get their results back on the fifth day, then only will we take them to the hospital," he said.

He said this would reduce the individual's time in the hospital too from 14 days to only 10 if they already spent the time at home.

Dr Noor Hisham pointed out that some patients could be treated at home provided they meet the ministry's criteria.

Separately, Dr Noor Hisham added that the Public Service Commission approved the appointment of 1,223 new candidates consisting of 624 grade U29 nurses, 336 grade U29 assistant medical officers, 213 grade U29 assistant environmental health officers and 50 grade U29 laboratory medical technologists.

He said the ministry would issue the appointment contractual offer letter to the successful candidates tomorrow, adding that they would report for duty on Wednesday.

Of the 624 grade U29 nurses, Dr Noor Hisham said 317 would be stationed in Sabah with another 18 in Labuan.



Cases breach 1,000 mark

Sabah makes up 889 of the 1,228 highest daily total



PUTRAJAYA: Malaysia recorded its highest number of daily Covid-19 infections with 1,228 new cases.

Sabah also continued to record the highest number of cases with 889 cases identified.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the country reported seven new fatalities, bringing the death toll to 221.

Total recoveries stands at 16,555 or at a rate of 64.3% after 671 patients were discharged. The total number of active cases has now gone up to 8,966, he said.

"Cumulatively, the country's total cases since the outbreak began in January is 25,742.

"Currently, 92 people are being treated at intensive care units, with 31 of them requiring ventilator support," he told reporters at Putrajaya on Saturday.

Aside from the 889 cases in Sabah, Negri Sembilan reported 96 cases followed by Selangor (76), Kedah (76), Penang (23), Labuan (21), Perak (10), Kuala Lumpur (eight), Johor (seven), Sarawak (eight) and Melaka (three).

Dr Noor Hisham said six new clusters were identified in Sabah, Negri Sembilan, Johor, Selangor and Sarawak.

He said the index (case13,755) case for the Mesra cluster in Sabah, was a symptomatic individual who



was screened on Oct 7 and was admitted to the Duchess of Kent Hospital in Sandakan.

"Close contact screenings identified another 21 positive cases.

"As at noon on Oct 24, 116 individuals were screened with 22 testing positive, two testing negative and 92 individuals still awaiting their results," he said.

He added that the index case for the Megah cluster in Sandakan, was an individual (case 13,706) who was screened on Oct 5 and admitted to the same hospital.

"Close contact screenings led to 14 more positive cases identified.

"As at noon on Oct 24, 64 individuals were tested with 15 positive, 12 negative and 37 still awaiting results," he said.

Dr Noor Hisham said the Kaya cluster was identified in Negri Sembilan and Putrajaya.

"The cases for this cluster were identified from screenings at workplaces on Oct 24 and were admitted to the Sungai Buloh and Tuanku Jaafar Hospitals," he said, adding that 63 individuals were screened with 55 testing positive, six testing negative and two awaiting results.

In Gombak, Selangor, the Bah Kayu cluster was identified with its cluster index (case 17,371) testing positive after the individual returned from Sabah on Oct 13.

"Close contact screenings led to 16 positive cases identified.

"We have screened 628 individuals with 17 positive, 591 negative and 20 awaiting results," he said.

In Sarawak, Dr Noor Hisham said the Baki cluster was identified involving the case index (case 20,431) who tested positive after showing symptoms on Oct 17.

"Close contact screenings led to four more testing positive. We have screened 68 individuals with five positive, 34 negative and 29 awaiting results," he said.

Meanwhile, in Johor the Kempas cluster was identified involving Johor Baru and Kulai districts there.

"The case index (case24,447) tested positive after showing symptoms on Oct 22.

"Close contact screenings led to seven more testing positive.

"206 individuals were screened with eight positive, 28 negative and 170 awaiting results," he said.

Klang Valley folk urged to get serious about CMCO

KUALA LUMPUR: Residents in Klang Valley have been urged to comply with the conditional movement control order (MCO).

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said with the addition of 76 cases on Saturday, the total number of Covid-19 cases in Selangor was now at 3,880.

"The increase in local transmissions in Selangor started on Oct 2, and has increased consistently," he said, adding that if one were to refer to the case records in Selangor for the third wave, the first cluster identified was the Jalan Apas cluster on Sept 28, involving a family that had returned from Sabah.

He also said that 196 cases in Selangor have a history of travel to Sabah, adding that subsequently, nine clusters were identified involving these individuals.

"That said, local transmissions began occurring leading to cases and 35 active clusters," he said.

"Because of this the government also decided to implement the conditional MCO in Selangor, Putrajaya and Kuala Lumpur.

"It also decided that workers at management level in public and industrial sectors in these areas should work from home effective Oct 22.

"The main reason for this is so that more people stay home, and reduce movements in the community, which can curb the transmission of the virus," he said, adding that whether this course of action succeeded or not would depend on the compliance and cooperation of everyone.

Cases update:
 Reporters looking at a screen displaying the latest Covid-19 figures during Dr Noor Hisham's briefing in Putrajaya.
 — Bernama

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

Noor Hisham calls for unity

'We need to fight this virus together and not against each other'

PETALING JAYA: Malaysians must unite in the fight against the Covid-19 pandemic, says Tan Sri Noor Hisham Abdullah.

The Health director-general said that frontliners had been battling the pandemic "for the last 10 months 24/7" and some were reaching the end of their tethers.

"Many are feeling mentally and physically fatigue. Some are prepared to throw in the towel.

"Please learn from PRN Sabah,"

Battling Covid-19

he said, referring to the Sabah state election that was held on Sept 26.

"We need unity and togetherness to fight this war against Covid-19, not against each other.

"Together, we can make the impossible possible to flatten the curve again," he said, reminding Malaysians to stay at home if they have no important matters to attend to.

Dr Noor Hisham also said it was challenging to safeguard health and economy while reaching a balance between the two as the war against the coronavirus rages on.

"It is a challenge to safeguard and strike a balance between health and

economy in our ongoing war against Covid-19.

"A loss of balance means loss of lives and loss of livelihoods," he said in a post on his Facebook and Twitter accounts yesterday.

Dr Noor Hisham's call came amid a large number of positive cases recorded daily following the Sabah state election and the possible announcement of an Emergency by Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Frontliners call on public to unite against coronavirus

By ALLISON LAI, ASHLEY TANG and CLARISSA CHUNG
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: Frontliners rallying behind Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah in the country's fight against Covid-19, echoed his call for Malaysians to stand behind them to flatten the curve again.

Lisha, a nurse from Kuala Lumpur who was recently deployed to a government hospital in Sabah, said she had volunteered to be a frontliner in the state.

"I had mixed feelings and was fearful. But then I got ready with the mindset that I wanted to serve the people in Sabah," she said.

Lisha said it was sad to see frontliners being swamped with so much work at the hospital.

"They lack manpower in hospital. Beds in ICU are full," she said.

A public health inspector from the Kuala Lumpur Health office, who only wanted to be known as Eryn, said their workload had increased after the Sabah state election.

"We had to handle all procedures when clearing high-risk death cases because every detail has to be mon-



Burning out: A healthcare worker catching a brief break before racing back to the front lines against the deadly disease in Kuala Lumpur. — KAMARUL ARIFFIN/The Star

itored including a Covid-19 test on the deceased," she said.

Despite the weariness, Eryn said, her team would soldier on.

"We are still fighting despite feeling tired, and sincerely without asking for anything in return," she said.

Eryn also called on Malaysians to stop pointing fingers at each other. "Let's rise and help us take care of each other," she added.

A doctor in Klang Valley, who did not wish to be named, said the main

concern for medical frontliners would be the risk of spreading Covid-19 to their loved ones.

"We are worried about spreading the virus to our family, especially the elderly.

"Once I reach home, I would hide in my room to avoid contact with my parents because I wouldn't know if I had contracted the virus," he said.

"All this will have an impact on our mental health, and we feel that we may burn out one day," he said.

He said the Health director-general's plea to remain united comes at a time of great uncertainty, especially as the nation is undergoing political instability with some medical frontliners frustrated as they are employed on a contract basis.

"Malaysians in general are fed up with the restrictions.

"We can see people don't really maintain physical distancing when they are out nor wash their hands frequently. This is worrying," he said.

Mercy rolls out psychosocial support hotline for Sabahans

PETALING JAYA: Mercy Malaysia's new dedicated Covid-19 psychosocial support hotline for Sabahans will have psychologists speaking in the local dialect to better aid the locals there.

Mercy Malaysia Health Unit head Dr Mohammad Omar said the support hotline was an extension of its existing national helpline which was established in April.

"We feel that because the helpline was in Peninsular Malaysia, some people (in Sabah) may be reluctant to call because of higher telco charges.

"The other reason (we decided to set it up) is because we wanted Sabahans to talk to psychologists in their local dialect so they can better express themselves.

"That is why we created this dedicated Sabah hotline (on Oct 19)," he said yesterday.

Dr Mohammad said the situation in Sabah "definitely needed attention" as there were reports that bed occupancy in Sabah hospitals was almost at its maximum, coupled with reports that frontliners were extremely exhausted.

"That is also the reason why we decided to set up the hotline there," he said, though noting he had not seen a surge of people utilising its hotline.

He added that three volunteer psychologists would be manning the calls from 8am to 5pm every day, adding that there were also two backup psychologists from the Health Ministry.

With its national helpline, Dr Mohammad said the hunting line was divided into three main sections – the movement control order related issues, psychosocial issues and women's issues.

"Out of the three lines, we usually receive about 40% to 50% of the calls from those with mental health issues," he said, adding that the cases were related to stress, anxiety and other related issues.

He said from March 25 to Oct 22, its national helpline received 1,947 calls, adding that April saw the most calls, at 843, or an average of 16 calls per day.

He added that Mercy Malaysia also had a dedicated counselling session for frontliners, especially those who are "burnt out".

"This is open to all frontliners in the country. We have 350 slots for them. Right now, it is slowly picking up, it is not fully utilised yet," said Dr Mohammad.

The national helpline can be contacted at 03-2935 9935 from Monday to Friday, from 8am to 5pm, and 8am to 1pm on Saturday.

The Sabah hotline is 088-338 088, from Monday to Sunday, 8am to 5pm, and local telco charges apply.

Recovered patients sought to take part in study

PETALING JAYA: The Health Ministry needs 275 people who have recovered from Covid-19 to volunteer for a research programme to study immunity.

Its Institute for Medical Research (IMR) Allergy & Immunology Research Centre head and consultant pathologist Dr Masita Arip said the ministry welcomed those who have recovered within 101 to 200 days post-infection and registered with the ministry's Crisis Prepara-

tness and Response Centre database to come forward.

"Those who are interested can contact us via email or phone so we can check whether they fulfil the eligibility criteria," she said.

On Oct 13, Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah called on recovered patients to volunteer for the study – titled "Longitudinal Study of Neutralising Antibody Response among Covid-19 Patients in Malaysia", conducted by

a group of researchers from the ministry's IMR.

The study that began in August will run until July 2022 and has been approved by the ministry's Medical Research and Ethics Committee.

Dr Masita noted that the study was to determine whether Covid-19 patients developed neutralising antibodies that could fight off the respiratory virus.

"Findings from this study will

enable us to understand the probability of re-infection among Covid-19 patients," she said.

When asked, Dr Masita said the research required blood samples from patients who have recovered.

"The blood will then be tested for neutralising antibodies in batches."

As one of the principal investigators of the research, she noted that all related activities to the study would be done according to a specified time frame.

Govt expected to secure access to vaccine supply next year

PUTRAJAYA: The government is expected to secure access to the Covid-19 vaccine in the first quarter of next year.

"So far, the Health Ministry has contacted eight vaccine candidates which are currently in the third phase of clinical trials.

"The vaccine supply is expected to be acquired in the first quarter of next year, and priority will be given to frontliners in the health and

security sectors, such as doctors, nurses, police, prison and immigration staff," said the Health and Science, Technology and Innovation ministries in a joint statement yesterday.

This follows the first meeting of the Covid-19 Vaccine Supplies Access Guarantee Special Committee on Friday, which is co-chaired by Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba and Science Minister

Khairy Jamaluddin.

The statement said the government was in the midst of talks with Covid-19 Vaccine Global Access (Covax), that had nine vaccine candidates under the Global Alliance for Vaccine and Immunisation (Gavi).

"The government has allocated an amount to purchase the vaccine via the Finance Ministry's Covid-19 Fund," it said.

Khairy estimated the downpay-

ment for the Covid-19 vaccine alone to be RM90mil, since Malaysia is not expected to get subsidies or financial assistance from the World Health Organisation's (WHO) global Covid-19 vaccine access plan as Malaysia is classified as a middle to high-income country.

The Covax programme is co-led by the WHO, Gavi and the Coalition for Epidemic Preparedness Innovations.

It will involve higher-income countries financing the vaccines from their own national budgets, while low and middle income countries will receive financial support.

Covax, which aims to deliver two billion doses by the end of 2021, is one of three pillars of the Access to Covid-19 Tools Accelerator, which was launched in April by WHO, the European Commission and France, in response to the pandemic.